

Perhimpunan Kepimpinan Keusahawanan Pelajar IPTA Ke-2

Fathul Azan Bin Faezan

Pada 27 hingga 30 Disember yang lalu, telah berlangsungnya Perhimpunan Kepimpinan Keusahawanan Pelajar IPTA Ke-2. Program tersebut adalah anjuran bersama Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Program ini juga meliputi kesemua IPTA seluruh Malaysia termasuk sebuah IPTS iaitu UniKL. Sepanjang berlangsungnya program ini, para peserta telah didedahkan dengan pelbagai selok belok tentang dunia perniagaan.

Dalam pada itu juga, pertandingan Catur Bistari turut diadakan. Walaupun pertandingan Catur Bistari ini tidaklah begitu formal, namun ianya boleh dianggap sebagai kayu pengukur kepada prestasi setiap universiti. Dalam pertandingan yang telah diadakan sempena dengan Program Perhimpunan Kepimpinan Keusahawanan Pelajar IPTA Ke-2 tersebut, peserta daripada

UniMAP telah berjaya mendapat tempat ke-2 daripada 20 peserta yang telah mencuba nasib.

Selain daripada itu, telah diadakan juga majlis penyerahan tugas kepada Pengerusi Mesyuarat Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-Universiti Malaysia (MAKMUM) yang baru iaitu Y. Bhg. Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Kelantan. Beliau dilantik sebagai Pengerusi MAKMUM yang baru dengan menggantikan Profesor Madya Datuk Dr. Azarai Haji Idris, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni Universiti Malaya. Turut hadir bersama pada majlis tersebut ialah YB Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Dato' Saifuddin Abdullah.

